

DATUK DR. SABIRIN BIN JA'AFAR

CEO, ASIA PACIFIC MARITIME ACADEMY SDN BHD

OFFICE ADDRESS: UNIT 15-01, LEVEL 15, PLAZA 138, JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR

Home Address: No 33, Jalan 51A/223C, 46100 Petaling Jaya, Selangor

TEL: +60 14-830 6657

Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar, anak kelahiran Kampung Ramuan China Besar, Masjid Tanah, Melaka, merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Asia Pacific Maritime Academy Sdn Bhd.

Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah rendah kebangsaan dan agama pada tahun 1970 hingga 1975, dan meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Sains Melaka (kini Sekolah Menengah Muzaffar Syah) sehingga tahun 1980. Beliau merupakan kumpulan pelajar sulung di sekolah tersebut sebelum menyambung ke tingkatan enam di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban sehingga tahun 1982. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) (1983 – 1987), di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada awal pembukaan universiti tersebut.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang Maritim dari Universiti Cardiff, Wales pada 1998. Pada 2002, beliau dianugerahkan Biasiswa Chevening oleh Kerajaan Britain untuk melanjutkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam Pengajian Maritim di Greenwich Maritime Institute, London.

Beliau berpengalaman dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan sebagai Majistret, Penolong Kanan Pendaftar, dan Timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur serta Georgetown. Beliau pernah menjadi Ketua Bahagian Penyelidikan Mahkamah Persekutuan sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen, selanjutnya sebagai Pegawai Khas kepada Yang Amat Arif Tun Mohamed Dzaidin Haji Abdullah, Ketua Hakim Negara.

Di Jabatan Peguam Negara, Datuk Dr. Sabirin berpengalaman sebagai Timbalan Pendakwa Raya, Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Antarabangsa dan Penasihat, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pertahanan, Pengarah Undang-Undang dan Siasatan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pengurus Undang-Undang dan Pentadbiran di Pihak Berkuasa



DATUK DR. SABIRIN BIN JA'AFAR

CEO, ASIA PACIFIC MARITIME ACADEMY SDN BHD

Bersama Malaysia–Thailand (MTJA) sebelum mengambil keputusan bersara pilihan pada 2011.

Semasa dalam perkhidmatan awam, beliau diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya pada Julai 1996.

Selepas bersara pilihan, Datuk Dr. Sabirin menyertai dunia akademik sebagai Profesor Undang-Undang Perniagaan dan Etika, di Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (2011 – 2014).

Pada November 2014, beliau dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Johor untuk tempoh dua tahun.

Setelah tamat kontrak perkhidmatan di Badan Kehakiman, Datuk Dr. Sabirin telah mengamal undang-undang sebagai peguam dan rakan kongsi firma guaman Abdul Raman Saad & Partners di Johor Bahru pada tahun 2017

Antara tahun 2018-2021, beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pencegahan Keganasan (POTA), Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negara Melaka (PKNM), dan Adjunct Professor IKMAS, UKM.

Pada Julai 2020 hingga 2023, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Institut Maritim Malaysia (MIMA) sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia, dan Ahli Lembaga Pengarah Perlindungan & Imdemniti Malaysia Sdn Bhd, sebuah syarikat insurans marin milik kerajaan.

Beliau sering terlibat dalam pembentangan kertas kerja di pelbagai seminar dan persidangan di dalam dan di luar negara, antaranya seperti di Riphah University, Islamabad, Pakistan; Tokai University, Tokyo, Jepun; di Berlin; dan Switzerland.

Antara anugerah yang telah diterima ialah Pengurniaan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran “Datuk” pada Oktober 2015.

Selain Ketua Pegawai Eksekutif APMA Sdn Bhd, sebuah syarikat yang memfokuskan aktivinya dalam latihan perantisan pelabuhan dan perkapalan beliau juga Profesor Adjung, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (mulai Mac 2024), Profesor Adjung, Institut Malaysia dan Antarabangsa, UKM (2022-2024; 2024-2026) dan Ahli Lembaga Pengarah bebas, Perlindungan dan Indemniti (Msia) Sdn Bhd (mulai 2023).